

# ANALISIS PERSEPSI PELAJAR INSTITUT PENGAJIAN TINGGI DI SELATAN THAILAND TERHADAP TULISAN JAWI: KAJIAN KES PELAJAR KOLEJ ISLAM SYEIKH DAUD AL-FATHANI, YALA, THAILAND

*(Analysis of Perceptions of University Students in Southern Thailand towards Jawi Script: A Case Study of Students at the Syeikh Daud Al-Fathani Islamic College, Yala, Thailand)*

Muhammad Alee Haji Abdullah Song  
muhammadaleesong@gmail.com

Fakulti Pendidikan, Kolej Islam Syeikh Daud Al-Fathani (KISDA), Yala, Thailand.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Muhammad Alee Haji Abdullah Song. (2024). Analisis persepsi pelajar institut pengajian tinggi di Selatan Thailand terhadap tulisan Jawi: Kajian kes pelajar Kolej Islam Syeikh Daud Al-Fathani, Yala, Thailand. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 17(2), 189–220. [https://doi.org/10.37052/jm.17\(2\)no2](https://doi.org/10.37052/jm.17(2)no2)

Received: Peroleh	24/6/2024	Revised: Semakan	17/7/2024	Accepted: Terima:	19/7/2024	Published online: Terbit dalam talian	24/7/2024
----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	--	-----------

## Abstrak

Tulisan Jawi merupakan medium utama penggunaan tulisan untuk bahasa Melayu di Selatan Thailand, iaitu Yala, Pattani, Narathiwat, Satun dan beberapa daerah di wilayah Songkhla yang mana dahulunya adalah milik Kesultanan Melayu Patani dan Kedah-Perlis sebelum menjadi sebahagian daripada wilayah negara Thailand berasaskan Perjanjian Bangkok 1909 (*Anglo-Siamese 1909*). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Selatan Thailand terhadap tulisan Jawi. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai medium pengumpulan data menggunakan reka bentuk kajian tinjauan melalui teknik soal selidik dengan melibatkan 30 orang pelajar IPT yang sedang mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama di Kolej Islam Syeikh Daud al-Fathani (KISDA), Yala, Selatan Thailand. Data yang diperoleh melalui borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar IPT mempunyai persepsi positif terhadap tulisan Jawi. Kebolehan

menggunakan tulisan Jawi adalah penting sebagai lambang identiti Melayu Patani yang mencatatkan persepsi yang sangat tinggi. Kajian ini sedikit sebanyak dapat memberikan gambaran tentang pentingnya tulisan Jawi dalam kalangan generasi muda Melayu dan juga sebagai lambang jati diri bangsa Melayu Patani.

Kata kunci: Persepsi, tulisan Jawi, Melayu Patani, pelajar IPT, KISDA, Selatan Thailand

### ***Abstract***

*Jawi script is the main medium of Malay language writing in Southern Thailand, specifically Yala, Pattani, Narathiwat, Satun, and several other districts in the Songkhla region that were previously part of the Malay Sultanates of Patani and Kedah-Perlis before their cession to the Thai national territory based on the Anglo-Siamese Agreement of 1909. This study aims to identify the perceptions of university (IPT) students in Southern Thailand towards Jawi script. This study uses a quantitative approach as data collection medium through survey research design via a questionnaire involving 30 IPT first-degree students at the Syekh Daud al-Fathani Islamic College (KISDA) in Yala, Southern Thailand. The data obtained from the questionnaire were analysed using descriptive statistics. The findings show that the university students have a positive perception of the Jawi script. The ability to use Jawi script is important as a symbol of Patani Malay identity, which dictates a high perceived value. This study somewhat illustrates the importance of Jawi script among the young Malay generation and its role as a marker of Patani Malay national identity.*

*Keywords: Perceptions, Jawi script, Patani Malay, university students, KISDA, Southern Thailand*

## **PENDAHULUAN**

Penulisan Jawi mula berkembang dan diperkenalkan hasil daripada kedatangan orang Arab dan Parsi ke Tanah Melayu, sama ada melalui perdagangan ataupun penyebaran ajaran Islam. Tulisan ini telah diadaptasi daripada huruf-huruf Arab dan ditambah dengan beberapa huruf baharu daripada bahasa Parsi, seperti cha, nga, nya, pa (titik tiga) dan ga. Penggunaannya adalah sinonim dengan identiti Melayu dan agama Islam. Menurut Ahmad Fathy al-Fathani (2012), tulisan Jawi sangat terkait dengan identiti Melayu dan agama Islam. Tulisan Jawi menjadi sangat berpengaruh dan mempunyai kedudukan yang mulia dalam masyarakat penggunaannya, serta mencerminkan warisan budaya dan nilai-nilai agama yang dipegang oleh masyarakat Melayu.

Tulisan Jawi merupakan salah satu daripada aspek penting sebagai perlambangan identiti Melayu Islam, mencerminkan warisan budaya dan agama

yang mendalam dalam kalangan masyarakat Melayu. Penguasaan tulisan Jawi juga merupakan satu daripada cara untuk mempertahankan identiti Melayu Islam (M. Mokhtar Shafii, 2000; Noor Azam et al., 2017). Zainal Abidin Ahmad (2000) menyatakan bahawa kedatangan Islam ke alam Melayu bukan hanya menukar agama orang Melayu daripada agama Hindu ke agama Islam, malah huruf-huruf Arab juga diambil dan dijadikan huruf-huruf dalam bahasa Melayu (Siti Badriyah Mohamad Yusof & Exzayrani Sulaiman, 2015). Ahmad Fathy al-Fatani (2012) menyatakan bahawa tarikh asal tulisan ini diambil dan dipinjam tidak dapat dikenal pasti. Namun, tulisan Jawi telah digunakan oleh orang Melayu setelah memeluk agama Islam dan mengenali al-Quran sekitar abad ke-14 dengan penemuan Batu Bersurat Terengganu yang menerangkan tentang asas ajaran agama Islam (Berhanuddin Abdullah et al., 2012). Kehadiran tulisan ini telah menggantikan tulisan lama yang diambil dan digunakan dari bahasa Sanskrit, iaitu tulisan Pallava dan Kawi (Windstedt & Wilkinson, 1961). Penggunaan tulisan Jawi ini telah berkembang dengan pesat di Alam Melayu bermula pada zaman Kerajaan Islam Pasai dan disebar luas ke Kerajaan Melaka, Kerajaan Johor, Kerajaan Aceh Darussalam dan beberapa kerajaan Melayu yang lain pada abad ke-17 (Abd Jalil Borham, 2012).

Selain itu, duit syiling, surat perjanjian serta kitab lama dalam tulisan Jawi telah membuktikan kepentingan tulisan ini dan menggambarkan kegemilangan ketamadunan bangsa Melayu. Pada zaman kegemilangan kerajaan Melaka, tulisan jawi digunakan sebagai tulisan utama dalam urusan kerajaan untuk mencatat dokumen antara kerajaan Melayu dengan kerajaan luar, termasuklah dokumen dalaman dan dokumen hubungan diplomatik (Hashim Musa, 2006).

Setelah kedatangan penjajah Barat ke Alam Melayu, mereka memperkenalkan sistem tulisan baru yang berasaskan bahasa Inggeris, iaitu tulisan Rumi. Kedatangan tulisan Rumi telah mengambil alih peranan tulisan Jawi dan digunakan dalam banyak aspek sama ada pentadbiran, pendidikan dan sebagainya. Sehingga kini, tulisan Jawi mempunyai konflik tersendiri, terutamanya berkaitan dengan golongan muda (Siti Badriyah Mohamad Yusof & Exzayrani Sulaiman, 2015).

### **Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dengan Tulisan Jawi di Selatan Thailand**

Bahasa Melayu (dialek Patani) menjadi bahasa ibunda bagi penduduk yang berbangsa Melayu di lima buah wilayah bekas Kesultanan Melayu Patani (Kartini Wado et al., 2015). Dari segi pendidikan, bahasa Melayu dengan tulisan Jawi berperanan penting dan merupakan bahasa pengantar utama dalam

proses pengajaran dan pembelajaran, khususnya dalam bidang pengajian Islam. Pengajaran dan pembelajaran dalam bidang tersebut diajar dalam bahasa Melayu dengan menggunakan kitab-kitab Jawi yang dikarang oleh ulama-ulama tersohor Nusantara dan juga dunia Islam, seperti Syeikh Daud al-Fathani, Syeikh Ahmad dan lain-lain lagi. Penggunaan tulisan Jawi sangat meluas sejak dahulu hingga kini, dan masih digunakan secara meluas oleh orang Melayu di Malaysia, Indonesia, Brunei, Singapura dan Selatan Thailand yang menggunakannya dalam bidang keagamaan sama ada di masjid, surau dan sekolah agama melalui penggunaan kitab-kitab turath (kitab Jawi), teks khutbah, buku teks, dan sebagainya. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya bahasa Melayu dengan tulisan Jawi dalam kehidupan seharian orang Melayu.

Sejarah penggunaan bahasa Melayu di Thailand, khususnya di bahagian selatan negara ini sudah lama bermula, iaitu sejak bahasa Melayu digunakan dalam sistem pendidikan secara tidak formal untuk mempelajari kitab agama dan sebagainya, baik di rumah tok guru atau di pondok, di mana tulisan yang digunakan ialah tulisan Jawi (Nurnee, 2014). Pendidikan bahasa Melayu di Selatan Thailand merupakan sebahagian daripada kurikulum pengajian Islam, di mana bahasa Melayu diajar sebagai satu daripada subjek utama dalam konteks kurikulum itu. Menurut Ahmad Fathy al-Fatani (2012), bahasa Melayu di Selatan Thailand bukan hanya berperanan sebagai alat perhubungan tetapi, juga sebagai “jambatan” yang mengembalikan sejarah kegemilangan kerajaan Melayu pada masa dahulu dan dianggap sebagai warisan budaya nenek moyang yang sangat dihargai dan harus dipelihara dengan baik.

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu dengan tulisan Jawi sama ada di pondok dan sekolah agama rakyat, khususnya dalam bidang pengajian Islam merupakan medium utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Muhammad Lazim (2005:168) menyatakan bahawa sistem pendidikan di pondok berperanan penting dalam aspek perkembangan pendidikan, terutamanya yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu dan penyebaran budaya Melayu. Selain bahasa Melayu dengan tulisan Jawi, bahasa Melayu dengan tulisan Rumi juga menjadi mata pelajaran wajib yang harus dipelajari oleh semua pelajar.

Selain itu, institusi pengajian tinggi di Selatan Thailand juga turut berperanan penting dalam menyebarkan, mengkaji serta memperkukuh peranan bahasa Melayu sebagai medium dan wahana ilmu pengetahuan selepas institusi pondok. Hal ini dikatakan demikian kerana pelajar dapat mempelajari ilmu bahasa Melayu secara khusus dalam bidang pengajian tentang bahasa Melayu. Sambutan yang baik daripada masyarakat tempatan terhadap perkara ini semakin bertambah menyebabkan institusi

ini terus berkembang. Sebagai contoh, Universiti Thaksin (TU) dan Universiti Prince of Songkla, kampus Pattani (PSU), merupakan antara institusi terawal yang menawarkan program bahasa Melayu. Pada tahun-tahun berikutnya, institusi pengajian tinggi di Wilayah Yala, seperti Jamiyah Islam Syeikh Daud Al-Fatoni (JISDA) dan Yala Rajabhat University (YRU) telah menawarkan program pertama pendidikan bahasa Melayu bagi menyahut saranan kerajaan untuk melahirkan tenaga pengajar bahasa Melayu di sekolah kerajaan, termasuk di sekolah rendah dan menengah (Muhammad Alee Song & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2019).

## **KAJIAN LEPAS**

Terdapat beberapa kajian tentang tulisan Jawi, antaranya kajian oleh Ahmad Fathy al-Fatani (2012), Siti Badriyah Mohamad Yusof dan Exzayrani Sulaiman (2015), Noor Azam Abdul Rahman et al. (2017), Noraziah Mohd Amin et al. (2018), Rasyidah Ibrahim et al. (2019), Noraziah Mohd Amin dan Noor Azam Abdul Rahman (2019), Azrulhizam Shapii et al. (2020) dan Aminnudin Saimon dan Nur Hidayah Takma (2023).

Ahmad Fathy al-Fatani (2012) telah melakukan kajian untuk memberikan gambaran mengenai kedudukan dan penggunaan bahasa Melayu di Selatan Thai. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melibatkan analisis dokumen, kajian lapangan dan wawancara mendalam dengan penduduk tempatan, pendidik dan ahli bahasa di Selatan Thailand. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa Melayu, khususnya dalam bentuk tulisan Jawi, mempunyai peranan penting dalam membentuk identiti, budaya dan peradaban masyarakat Melayu di Selatan Thailand. Namun, kajian ini juga mengutarakan isu-isu berkenaan dengan sejarah dan peranan bahasa Melayu (tulisan Jawi) yang semakin terancam oleh dasar pendidikan kebangsaan yang menekankan penggunaan bahasa Thai sebagai bahasa pengantar dan bahasa perpaduan negara. Cabaran ini termasuk kurangnya sokongan institusi untuk pemeliharaan dan pengajaran bahasa Jawi, serta tekanan sosial dan ekonomi yang mendorong penggunaan bahasa Thai dalam kehidupan seharian.

Satu kajian di negara Brunei Darussalam telah dilakukan oleh Siti Badriyah Mohamad Yusof dan Exzayrani Sulaiman (2015) bertujuan untuk melihat sikap generasi muda terhadap tulisan Jawi. Kajian ini dijalankan ke atas 83 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Fakulti Sains dan Akademi Pengajian Brunei di Universiti Brunei Darussalam. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan pengumpulan data melalui soal selidik yang diedarkan kepada para

responden. Data yang diperoleh kemudian dianalisis untuk memahami sikap dan persepsi generasi muda terhadap tulisan Jawi. Hasil kajian menunjukkan bahawa generasi muda mempunyai sikap positif terhadap tulisan Jawi. Mahasiswa menunjukkan minat dan penghargaan yang tinggi terhadap penggunaan tulisan Jawi dan menyedari kepentingannya dalam mengekalkan identiti dan warisan budaya Brunei.

Di Malaysia, terdapat beberapa kajian mengenai tulisan Jawi, antaranya kajian yang dilakukan oleh Noor Azam Abdul Rahman et al. (2017). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar Melayu di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) tentang kemahiran menggunakan tulisan Jawi sebagai satu daripada lambang identiti bangsa Melayu dan kepentingan tulisan Jawi sebagai lambang Melayu Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melibatkan 150 pelajar Melayu daripada pelbagai fakulti di UNITEN. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa pelajar menyedari kepentingan tulisan Jawi dalam mengekalkan warisan budaya dan identiti keagamaan. Walaupun terdapat beberapa cabaran dalam menguasai tulisan Jawi, persepsi positif ini mencerminkan usaha dan minat pelajar untuk terus mempelajari dan menggunakan tulisan Jawi dalam kehidupan seharian serta dalam konteks akademik. Noraziah Mohd Amin et al. (2018) pula mengkaji persepsi pelajar Melayu di UNITEN tentang pemeliharaan dan penggunaan tulisan Jawi di media. Kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi pelajar Melayu di UNITEN mengenai usaha-usaha dalam memelihara dan menggunakan tulisan Jawi di media. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melibatkan 100 pelajar Melayu daripada pelbagai fakulti di UNITEN sebagai responden. Dapatan kajian menyatakan kebanyakan pelajar UNITEN berpendapat bahawa tulisan Jawi perlu mendapat kedudukan yang baik di media massa. Pelajar menunjukkan sokongan terhadap inisiatif untuk meningkatkan kehadiran tulisan Jawi dalam pelbagai platform media sebagai usaha untuk memelihara warisan budaya dan identiti bangsa Melayu. Kajian lain yang dijalankan termasuklah oleh Noraziah Mohd Amin dan Noor Azam Abdul Rahman (2019) tentang persepsi pelajar Melayu di UNITEN terhadap pembelajaran tulisan Jawi dan usaha-usaha untuk menyebar luas pembelajaran tulisan Jawi pada pelbagai peringkat pengajian di Malaysia. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melibatkan 120 pelajar Melayu dari pelbagai fakulti di UNITEN. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar Melayu di UNITEN mempunyai sikap positif terhadap inisiatif yang telah dicadangkan untuk memperkenalkan pembelajaran tulisan Jawi di pelbagai peringkat pengajian di Malaysia serta menyokong usaha-usaha ini dan menyedari kepentingan pembelajaran tulisan Jawi dalam mengekalkan warisan budaya dan identiti Melayu.

Rasyidah Ibrahim et al. (2019) telah menulis sebuah makalah yang membincangkan pemeraksanaan tulisan Jawi dahulu dan kini. Makalah ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen dan kajian literatur tentang pelbagai medium yang digunakan untuk memperkasa tulisan Jawi. Penulis mengkaji bagaimana tulisan Jawi diperkasa melalui buku, media cetak, platform digital dan inisiatif pendidikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemeraksanaan tulisan Jawi melalui pelbagai medium memberikan kemudahan kepada masyarakat untuk melihat dan membaca tulisan Jawi. Penggunaan buku, media cetak, dan platform digital serta inisiatif pendidikan memainkan peranan penting dalam memastikan tulisan Jawi terus relevan dan mudah dicapai oleh generasi kini dan akan datang. Kajian Azrulhizam Shapii et al. (2020) pula bertujuan untuk membangun perisian media interaktif bagi membantu meningkatkan keupayaan murid sekolah rendah dalam menyambung ejaan suku kata tulisan Jawi melalui penggunaan aplikasi (media interaktif). Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif melibatkan ujian pra dan pasca ke atas 50 murid sekolah rendah untuk mengukur peningkatan keupayaan mereka dalam menyambung ejaan suku kata Jawi selepas menggunakan aplikasi tersebut. Pendekatan kualitatif pula melibatkan temu bual dengan guru-guru dan murid-murid untuk memahami persepsi mereka terhadap penggunaan aplikasi ini dalam pembelajaran tulisan Jawi. Hasil kajian menyatakan bahawa penggunaan aplikasi dapat meningkatkan keupayaan dan motivasi murid, serta memberikan persepsi yang baik terhadap tulisan Jawi baru. Kajian oleh Aminuddin Saimon dan Nur Hidayah Takma (2023) bertujuan untuk mengenal pasti dan menghuraikan persepsi mahasiswa Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) terhadap tulisan Jawi serta pemeliharaannya. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan pengumpulan data melalui soal selidik yang diedarkan kepada 200 orang mahasiswa dari pelbagai fakulti di UIAM. Hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian ini ialah kebanyakan mahasiswa UIAM mempunyai pandangan yang positif terhadap tulisan Jawi.

Sorotan kajian lepas yang dibincangkan jelas menunjukkan bahawa pentingnya tulisan Jawi dalam kalangan generasi muda dan mempunyai kedudukan yang begitu istimewa dalam masyarakat Melayu. Kebanyakan kajian berkenaan dengan tulisan Jawi banyak dilakukan oleh pengkaji di Malaysia dan Brunei, tetapi masih kurang dilakukan di Selatan Thailand. Oleh itu, persepsi masyarakat, khususnya golongan muda terhadap tulisan Jawi perlu dikaji di Selatan Thailand khusus di wilayah-wilayah yang majoriti penduduknya berbangsa Melayu.

## **METODOLOGI**

Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) di Selatan Thailand terhadap tulisan Jawi. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, iaitu melalui kajian tinjauan. Pengkaji menjalankan kajian tinjauan terhadap responden kajian. Oleh itu, reka bentuk kajian ini sangat sesuai dengan kajian yang dilakukan, iaitu untuk mengenal pasti persepsi pelajar IPT di Selatan Thailand terhadap tulisan Jawi.

Kajian ini melibatkan seramai 30 orang pelajar yang mengambil kursus Asas Bahasa Melayu terdiri daripada 8 orang pelajar lelaki dan 22 orang pelajar perempuan, berumur antara 19 hingga 22 tahun daripada pelbagai jurusan, iaitu jurusan Pendidikan Islam, Pengajian Islam dan Bahasa Arab, dan Syariah Islamiyah di Kolej Islam Syekh Daud al-Fathani (KISDA). Responden kajian ini dipilih secara rawak mudah. Instrumen kajian ialah borang soal selidik, borang soal selidik yang digunakan oleh pengkaji telah diubah suai daripada kajian Aminuddin Saimon dan Nur Hidayah Takmad (2023) sebelum diedarkan secara dalam talian kepada responden menerusi pelantar *Google Form*. Borang soal selidik mengandungi dua bahagian, iaitu Bahagian A (demografi responden) dan bahagian B (persepsi responden terhadap tulisan Jawi).

Setiap soalan dinilai dari segi sejauh mana responden bersetuju atau sebaliknya dengan sesuatu pernyataan dalam borang soalan selidik dengan menggunakan Skala Likert. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Tulisan Jawi merupakan medium utama bagi penggunaan bahasa Melayu di Selatan Thailand. Terdapat pelbagai persepsi pelajar IPT di Selatan Thailand terhadap tulisan Jawi. Seramai 30 orang responden telah memberikan maklum balas menerusi borang soal selidik yang diedarkan secara dalam talian menerusi pelantar *Google Form*. Dapatan kajian ini memaparkan persepsi pelajar KISDA terhadap tulisan Jawi dalam bentuk jadual dan carta pai.

Setiap soalan dalam borang soalan selidik dinilai dari segi sejauh mana para responden bersetuju atau sebaliknya dengan sesuatu pernyataan dengan menggunakan Skala Likert 5 mata, iaitu STS (Sangat Tidak Setuju), TS (Tidak Setuju), TP (Tidak Pasti), ST (Sangat Setuju) dan SST (Sangat Sangat Setuju). Berdasarkan item dalam Jadual 1, pengkaji telah mengkategorikan item-item tersebut kepada beberapa kategori.



**Jadual 1** Persepsi Pelajar KISDA terhadap tulisan Jawi.

<b>Kategori</b>	<b>Item</b>
<p><b>Kategori 1: Persepsi tentang Tulisan Jawi itu Sendiri</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tulisan Jawi merupakan warisan Melayu yang harus dipelihara dan dijaga oleh semua lapisan masyarakat.</li> <li>2. Ilmu pengetahuan tulisan Jawi harus diwarisi dari satu generasi ke generasi yang akan datang.</li> <li>3. Tulisan Jawi yang dahulunya digunakan sebagai medium komunikasi perlu dihayati oleh generasi muda masa kini.</li> <li>4. Tulisan Jawi mestilah diperkembangkan seiring dengan tulisan Rumi dalam penggunaan bahasa Melayu dalam masyarakat.</li> <li>5. Saya berpendapat bahawa tulisan Jawi memiliki bentuk yang menarik dan artistik yang perlu dipertahankan.</li> </ol>
<p><b>Kategori 2: Persepsi tentang Dasar Kerajaan Terhadap Tulisan Jawi</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>6. Pihak berkuasa seperti Majlis Agama Islam di setiap wilayah di Selatan Thailand mestilah mengambil langkah dalam memelihara tulisan Jawi sebagai satu daripada warisan bangsa Melayu Patani.</li> <li>7. Pihak kerajaan tempatan perlu menyediakan pelan jangka panjang yang komprehensif yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam sistem pendidikan di Selatan Thailand.</li> </ol>
<p><b>Kategori 3: Persepsi tentang Tulisan Jawi sebagai Jati Diri dan Lambang Kemelayuan</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>8. Kemampuan membaca dan menulis Jawi dengan baik dapat mengukuhkan jati diri saya sebagai seorang Melayu Islam.</li> <li>9. Kebolehan menggunakan tulisan Jawi adalah penting sebagai lambang identiti Melayu Patani.</li> </ol>


<b>Kategori</b>	<b>Item</b>
	<p>10. Sebagai seorang Melayu, saya berbangga memperkenalkan kepada rakan-rakan bukan Melayu saya bahawa tulisan Jawi adalah satu daripada identiti penting bagi bangsa saya.</p> <p>11. Saya berpendapat bahawa jika orang Melayu tidak mempunyai kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi, dia boleh dianggap telah hilang salah satu identiti bangsanya.</p>
<p><b>Kategori 4: Persepsi tentang Pengajaran dan Pembelajaran Tulisan Jawi</b></p>	<p>12. Pengajaran dan pembelajaran Jawi hendaklah dibuka dan ditawarkan kepada semua bangsa dan agama pelajar.</p> <p>13. Pembelajaran mata pelajaran Jawi mestilah disamaratakan dengan pembelajaran mata pelajaran Rumi.</p> <p>14. Mata pelajaran Jawi perlu ditawarkan di semua peringkat pembelajaran di Selatan Thailand, termasuklah sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi untuk memastikan pembelajaran Jawi yang lebih menyeluruh dan komprehensif.</p>
<p><b>Kategori 5: Persepsi tentang Penerimaan Tulisan Jawi</b></p>	<p>15. Generasi muda mestilah mempunyai rasa tanggungjawab dalam memperkenalkan tulisan Jawi kepada semua lapisan masyarakat.</p> <p>16. Penggunaan tulisan Jawi di media sosial haruslah diperbanyakkan agar masyarakat terdedah akan kepentingan memelihara tulisan Jawi.</p>

Kategori	Item
	17. Saya berpendapat bahawa ketersediaan bahan bacaan yang banyak di pasaran mengenai tulisan Jawi, seperti kitab-kitab kuning mampu membantu dalam menggunakan dan memahami tulisan Jawi dengan lebih baik.
	18. Program-program keagamaan dan pameran seni budaya Melayu Patani adalah langkah-langkah yang berkesan untuk membantu masyarakat dalam memelihara tulisan Jawi.
	19. Semua lapisan masyarakat harus berganding bahu untuk mempromosikan tulisan Jawi di semua platform, sama ada di media sosial, media cetak dan sebagainya agar masyarakat cakna akan tulisan Jawi.
	20. Pelbagai program mengenai tulisan Jawi perlu dilaksanakan di semua sekolah dan IPT di Selatan Thailand untuk memastikan generasi muda tidak lupa akan kepentingan pemeliharaan tulisan Jawi.

Penerangan tentang setiap kategori dijelaskan dalam subtajuk seterusnya.

### **Persepsi tentang Tulisan Jawi itu Sendiri**


Rajah 1 menunjukkan peratusan bagi item 1 dengan jawapan “Sangat Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 17 orang responden bersamaan dengan 57%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas daripada responden. Seterusnya, bagi “Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu sembilan orang responden bersamaan dengan 30%, diikuti dengan “Tidak Pasti” sebanyak empat orang responden bersamaan dengan 13%. Maklum balas daripada responden terhadap item ini menunjukkan pemahaman yang mendalam tentang pentingnya menjaga warisan



**Rajah 1** Peratusan untuk item 1: Tulisan Jawi merupakan warisan Melayu yang harus dipelihara dan dijaga oleh semua lapisan masyarakat.

tulisan Jawi sebagai sebahagian daripada warisan Melayu. Maklum balas yang kedua tertinggi, iaitu “Sangat Setuju” mencerminkan keinginan yang kuat daripada pelajar untuk memelihara dan menghargai warisan budaya. Walaupun terdapat sejumlah pelajar yang tidak pasti, tetapi majoriti responden menunjukkan persepsi terhadap tulisan Jawi sebagai warisan yang penting untuk dijaga dan dilestarikan untuk generasi masa depan.


Rajah 2 menunjukkan peratusan bagi item 2 dengan jawapan “Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 13 orang responden bersamaan dengan 43%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu 11 orang responden bersamaan dengan 37% diikuti dengan “Tidak Pasti” sebanyak enam orang responden bersamaan dengan 20%. Maklum balas daripada responden terhadap item ini menunjukkan kesedaran tentang pentingnya mewarisi ilmu pengetahuan tulisan Jawi dari satu generasi ke generasi yang lain. Majoriti responden yang memilih jawapan “Setuju” dan “Sangat Setuju” mencerminkan keinginan untuk memastikan kesinambungan dalam pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan tulisan Jawi. Mereka menganggap warisan ilmu pengetahuan tulisan Jawi sebagai sesuatu yang perlu dijaga dan diwarisi untuk kelestarian budaya dan identiti Melayu Patani.




**Rajah 2** Peratusan untuk item 2: Ilmu pengetahuan tulisan Jawi harus diwarisi dari satu generasi ke generasi yang akan datang.

Rajah 3 menunjukkan peratusan bagi item 3 dengan jawapan “Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 14 orang responden bersamaan dengan 47%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, bagi “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu sembilan orang responden bersamaan dengan 30% diikuti dengan “Tidak Pasti” sebanyak tujuh orang responden bersamaan dengan 23%. Maklum balas daripada responden terhadap item ini menunjukkan pemahaman yang mendalam tentang pentingnya menghayati penggunaan tulisan Jawi sebagai medium komunikasi pada masa dahulu. Berdasarkan majoriti responden yang memilih jawapan “Setuju” dan “Sangat Setuju”, hal ini mencerminkan kesedaran tentang warisan budaya dan sejarah, serta kepentingan memahami asal usul dan perkembangan sistem komunikasi yang digunakan oleh generasi sebelumnya. Kebanyakan responden berpendapat bahawa pemahaman terhadap penggunaan tulisan Jawi pada masa lalu adalah penting bagi generasi muda pada masa kini.

Rajah 4 menunjukkan peratusan bagi item 4 dengan jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 15 orang responden bersamaan dengan 50%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, bagi “Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu lapan orang responden bersamaan dengan 27% diikuti




**Rajah 3** Peratusan untuk item 3: Tulisan Jawi yang dahulunya digunakan sebagai medium komunikasi perlu dihayati oleh generasi muda masa kini.



**Rajah 4** Peratusan untuk item 4: Tulisan Jawi mestilah diperkembangkan seiring dengan tulisan Rumi dalam penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat.

dengan “Tidak Pasti” sebanyak tujuh orang responden bersamaan dengan 23%. Maklum balas daripada responden terhadap item ini menunjukkan sokongan yang kuat terhadap perkembangan tulisan Jawi seiring dengan tulisan Rumi dalam penggunaan bahasa Melayu dalam masyarakat. Hal ini mencerminkan kesediaan untuk memperkaya kepelbagaian budaya dan sistem penulisan dalam bahasa Melayu, dengan menghargai kedua-dua sistem penulisan yang mempunyai nilai dan kegunaan yang berbeza. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden percaya bahawa perkembangan tulisan Jawi yang seiringan dengan tulisan Rumi dapat memperkukuh penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan masyarakat.

Rajah 5 menunjukkan peratusan bagi item 5 dengan jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 14 orang responden bersamaan dengan 47%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, bagi “Tidak Pasti” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu sembilan orang responden bersamaan dengan 30% diikuti dengan “Setuju” sebanyak tujuh orang responden bersamaan dengan 23%. Maklum balas daripada responden terhadap item ini menunjukkan penghargaan yang tinggi terhadap keindahan dan keunikan bentuk tulisan Jawi sebagai unsur seni dan budaya yang patut dipertahankan. Hal ini menunjukkan kesedaran tentang nilai estetika dalam tulisan tradisional serta penghormatan terhadap warisan



**Rajah 5** Peratusan untuk item 5: Saya berpendapat bahawa tulisan Jawi memiliki bentuk yang menarik dan artistik yang perlu dipertahankan.

seni dan budaya Melayu. Namun begitu, jumlah kedua tertinggi, iaitu maklum balas “Tidak Pasti” menunjukkan perbezaan pandangan individu dalam menilai keunikan atau estetika sesuatu perkara/objek.


Berdasarkan kategori ini, dapat disimpulkan bahawa responden menunjukkan kesedaran yang tinggi akan pentingnya memelihara warisan tulisan Jawi sebagai sebahagian daripada warisan Melayu untuk diwarisi oleh satu generasi ke satu generasi yang lain. Kebanyakan responden juga berpendapat bahawa tulisan ini mestilah diperkembang seiring dengan tulisan Rumi. Walaupun terdapat sebilangan responden yang mempunyai pandangan berbeza tentang keunikan dan ciri artistik tulisan Jawi, namun bilangannya masih tidak dapat ditandingi oleh majoriti responden yang berpendapat bahawa tulisan Jawi memiliki bentuk yang menarik dan artistik yang perlu dipertahankan.

### **Persepsi tentang Dasar Kerajaan terhadap Tulisan Jawi**


Rajah 6 menunjukkan peratusan bagi item 6 dengan majoriti responden memilih “Sangat Setuju”, iaitu sebanyak 19 orang responden bersamaan dengan 63% manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, maklum balas bagi “Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu lapan orang responden bersamaan dengan 27% diikuti dengan “Tidak Pasti” sebanyak tiga orang responden bersamaan dengan 10%. Peratusan tersebut menunjukkan bahawa pandangan responden terhadap item ini menunjukkan sokongan yang tinggi terhadap peranan pihak berkuasa, seperti Majlis Agama Islam di setiap wilayah di Selatan Thailand dalam memelihara tulisan Jawi sebagai satu daripada warisan bangsa Melayu Patani. Hal ini menunjukkan kesedaran dan penghargaan yang tinggi terhadap nilai warisan budaya dan keagamaan dalam kalangan masyarakat.

Rajah 7 pula menunjukkan peratusan bagi item 7 dengan jawapan “Tidak Pasti” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 12 orang responden bersamaan dengan 40% manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, maklum balas bagi “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu sembilan orang responden bersamaan dengan 30% diikuti dengan “Setuju” sebanyak sembilan orang responden bersamaan dengan 27% dan terdapat satu maklum balas “Tidak Setuju” bersamaan dengan 3%. Maklum balas daripada responden terhadap item ini menunjukkan ketidakpastian yang tinggi terhadap keperluan pihak kerajaan tempatan untuk menyediakan pelan jangka panjang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam sistem pendidikan di Selatan Thailand. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pemahaman tentang keperluan dan kesan daripada pelan tersebut. Meskipun terdapat juga jumlah yang setuju atau sangat setuju, namun jumlah responden yang tidak





**Rajah 6** Peratusan untuk item 6: Pihak berkuasa seperti Majlis Agama Islam di setiap wilayah di Selatan Thailand mestilah mengambil langkah dalam memelihara tulisan Jawi sebagai salah satu warisan bangsa Melayu Patani.



**Rajah 7** Peratusan untuk item 7: Pihak kerajaan tempatan perlu menyediakan pelan jangka panjang yang komprehensif berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam sistem pendidikan di Selatan Thailand.

pasti menandakan bahawa adanya keperluan untuk menyediakan maklumat yang lebih terperinci atau penjelasan yang lebih baik kepada masyarakat tentang pelan tersebut. Indikasi ini juga menunjukkan bahawa sebahagian besar responden masih terbuka terhadap idea pelan jangka panjang yang lengkap yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Jawi di Selatan Thailand.

Berdasarkan kategori ini, responden menunjukkan sokongan yang tinggi terhadap peranan pihak berkuasa, seperti Majlis Agama Islam di setiap wilayah di Selatan Thailand dalam memelihara tulisan Jawi sebagai warisan bangsa Melayu Patani. Hal ini mencerminkan kesedaran dan penghargaan yang tinggi terhadap nilai warisan budaya dan keagamaan dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, terdapat responden juga menunjukkan ketidakpastian yang tinggi terhadap keperluan kerajaan tempatan dalam menyediakan pelan jangka panjang yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam sistem pendidikan di Selatan Thailand. Jelas bahawa penerangan yang lebih terperinci perlu diberikan kepada masyarakat tentang kepentingan pewujudan pelan jangka panjang dalam memelihara dan memartabatkan tulisan Jawi.


### **Persepsi tentang Tulisan Jawi sebagai Jati Diri dan Lambang Kemelayuan**

Rajah 8 menunjukkan peratusan bagi item 8 dengan jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 21 orang responden bersamaan dengan 70% manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, maklum balas bagi “Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu enam orang responden bersamaan dengan 20% diikuti dengan “Tidak Pasti” sebanyak tiga orang responden bersamaan dengan 10%.


Sebahagian besar responden memilih jawapan “Sangat Setuju” terhadap kenyataan bahawa kemampuan membaca dan menulis Jawi dengan baik dapat mengukuhkan jati diri sebagai seorang Melayu Islam adalah kerana penghayatan terhadap nilai-nilai keagamaan dan kebudayaan. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden memandang kemahiran membaca dan menulis Jawi sebagai aspek penting dalam mengukuhkan jati diri sebagai seorang Melayu Islam.

Rajah 9 menunjukkan peratusan bagi item 9 dengan jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 22 orang responden bersamaan dengan 73%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju” dan “Tidak Pasti” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Jawapan “Setuju” pula mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu lapan orang responden bersamaan dengan 27%.

Sebahagian besar responden memilih jawapan “Sangat Setuju” terhadap kenyataan bahawa kebolehan menggunakan tulisan Jawi adalah penting sebagai lambang identiti Melayu Patani. Hal ini menunjukkan bahawa sebahagian besar



**Rajah 8** Peratusan untuk item 8: Kemampuan membaca dan menulis Jawi dengan baik dapat mengukuhkan jati diri saya sebagai seorang Melayu Islam.




**Rajah 9** Peratusan untuk item 9: Kebolehan menggunakan tulisan Jawi adalah penting sebagai lambang identiti Melayu Patani.

responden memandang kebolehan menggunakan tulisan Jawi sebagai penting dalam mengekalkan identiti dan warisan budaya Melayu Patani.


Rajah 10 menunjukkan peratusan bagi item 10 dengan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 14 orang responden bersamaan dengan 47%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, jawapan “Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu 13 orang responden bersamaan dengan 43% diikuti dengan “Tidak Pasti” sebanyak tiga orang responden bersamaan dengan 10%.

Sebahagian besar responden memilih jawapan “Sangat Setuju” terhadap kenyataan bahawa sebagai seorang Melayu, mereka bangga memperkenalkan kepada rakan bukan Melayu tentang tulisan Jawi sebagai satu daripada identiti bangsa kerana penghargaan terhadap warisan budaya dan identiti etnik. Hal ini menunjukkan perasaan bangga dalam diri responden masih menebal tatkala memperkenalkan tulisan Jawi. Perkara ini juga membuktikan bahawa tulisan Jawi masih relevan dalam kalangan generasi muda zaman kini.

Rajah 11 menunjukkan peratusan bagi item 11 dengan jawapan “Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 15 orang responden bersamaan 50% manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah



**Rajah 10** Peratusan untuk item 10: Sebagai seorang Melayu, saya berbangga memperkenalkan kepada rakan bukan Melayu saya bahawa tulisan Jawi ialah salah satu identiti penting bagi bangsa saya.




**Rajah 11** Peratusan untuk item 11: Saya berpendapat bahawa jika orang Melayu tidak mempunyai kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi, dia boleh dianggap telah hilang salah satu identiti bangsanya.

kedua tertinggi, iaitu sembilan orang responden bersamaan 30% diikuti dengan “Tidak Pasti” sebanyak enam orang responden bersamaan 20%. Sebahagian besar responden memilih jawapan “setuju” terhadap kenyataan bahawa orang Melayu mesti mempunyai kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi kerana tulisan Jawi dianggap sebagai salah satu identiti bangsa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden masih mengiktiraf tulisan Jawi sebagai identiti bangsa.

Berdasarkan kategori ini, dapat disimpulkan bahawa sebahagian besar responden memiliki penghayatan yang mendalam terhadap tulisan Jawi dalam membentuk nilai-nilai keagamaan dan kebudayaan Melayu Islam, serta penghargaan yang tinggi terhadap warisan budaya dan identiti etnik Melayu Patani. Responden melihat kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi sebagai penting dalam mengukuhkan jati diri mereka sebagai seorang Melayu Islam dan sebagai lambang identiti Melayu Patani. Pengenalan terhadap tulisan Jawi kepada rakan bukan Melayu juga dipandang sebagai satu daripada bentuk penghargaan terhadap warisan budaya dan identiti etnik.

### **Persepsi tentang Pengajaran dan Pembelajaran Tulisan Jawi**


Rajah 12 menunjukkan peratusan bagi item 12 dengan jawapan “Tidak Pasti” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 12 orang responden bersamaan



**Rajah 12** Peratusan untuk item 12: Pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi hendaklah dibuka dan ditawarkan kepada semua bangsa dan agama pelajar.

40% manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu lapan orang responden bersamaan 27% diikuti dengan “Setuju” sebanyak tujuh orang responden bersamaan dengan 23% dan terdapat tiga maklum balas “Tidak Setuju” bersamaan dengan 10%. Jumlah responden yang tinggi memilih jawapan “Tidak Pasti” terhadap kenyataan bahawa pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi hendaklah dibuka dan ditawarkan kepada semua bangsa dan agama pelajar mungkin disebabkan oleh kebimbangan dan ketidakpastian berkenaan dengan pelaksanaan dan kesesuaian serta perbezaan pelajar. Konsep pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi kepada semua bangsa dan agama pelajar mungkin boleh diberikan pencerahan dan penjelasan yang lebih terperinci walaupun terdapat kebimbangan dan ketidakpastian tertentu yang perlu diberikan perhatian.

Rajah 13 menunjukkan peratusan bagi item 13 dengan jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 15 orang responden bersamaan dengan 50%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” mencatatkan jumlah paling rendah, iaitu tiada sebarang maklum balas yang diterima. Seterusnya, jawapan “Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu lapan orang responden bersamaan dengan 27% diikuti dengan “Tidak Pasti” sebanyak lima orang responden bersamaan dengan 17% dan “Tidak Setuju” sebanyak dua orang responden bersamaan dengan 6%. Responden kajian memberikan sokongan yang tinggi terhadap perlunya




**Rajah 13** Peratusan untuk item 13: Pembelajaran mata pelajaran Jawi mestilah disamaratakan dengan pembelajaran mata pelajaran Rumi.

pembelajaran mata pelajaran Jawi disamaratakan dengan pembelajaran mata pelajaran Rumi adalah kerana menyedari kepentingan kedua-dua sistem tulisan ini dalam sistem pendidikan di Selatan Thailand supaya adil dan sama rata bagi setiap lapisan masyarakat tanpa mengira etnik, kaum atau bangsa.

Rajah 14 menunjukkan peratusan bagi item 14 dengan jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 14 orang responden bersamaan dengan 47%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” mencatatkan jumlah paling rendah, iaitu tiada sebarang maklum balas yang diterima. Seterusnya, jawapan “Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu 11 orang responden bersamaan dengan 36% diikuti dengan “Tidak Pasti” sebanyak lima orang responden bersamaan dengan 17%. Majoriti responden kajian memberikan sokongan yang tinggi terhadap keperluan mata pelajaran Jawi ditawarkan di semua peringkat pembelajaran di Selatan Thailand kerana yakin bahawa pembelajaran Jawi yang menyeluruh dapat memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat dan perkara tersebut juga sebagai langkah untuk memastikan pemeliharaan dan kelestarian tulisan Jawi dalam kalangan generasi muda.

Berdasarkan kategori ini, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan responden menunjukkan kecenderungan yang positif terhadap usaha memperkenalkan dan




**Rajah 14** Peratusan untuk item 14: Mata pelajaran Jawi perlu ditawarkan di semua peringkat pembelajaran di Selatan Thailand termasuk sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi untuk memastikan pembelajaran Jawi yang lebih menyeluruh dan komprehensif.

memelihara tulisan Jawi dalam kalangan masyarakat Selatan Thailand. Meskipun terdapat kebimbangan dan ketidakpastian tertentu, kebanyakan responden masih terbuka terhadap pengajaran dan pembelajaran Jawi kepada semua lapisan masyarakat, tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama. Selain itu, sokongan yang tinggi juga dicatatkan terhadap kesamarataan dalam pembelajaran Jawi dan Rumi, serta keperluan pengajaran mata pelajaran Jawi di semua peringkat pembelajaran, sebagai langkah untuk memastikan bahawa pembelajaran Jawi menyeluruh dan merangkumi semua aspek masyarakat Selatan Thailand.

### Persepsi tentang Penerimaan Tulisan Jawi

Rajah 15 menunjukkan peratusan bagi item 15 dengan jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 16 orang responden bersamaan dengan 53%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak dicatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, jawapan “Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu 11 orang responden bersamaan dengan 37% diikuti dengan “Tidak Pasti” sebanyak tiga orang responden bersamaan dengan 10%.






**Rajah 15** Peratusan untuk item 15: Generasi muda mestilah mempunyai rasa tanggungjawab dalam memperkenalkan tulisan Jawi kepada semua lapisan masyarakat.

Responden kajian memberikan sokongan yang tinggi terhadap tanggungjawab generasi muda dalam memperkenalkan tulisan Jawi kepada semua lapisan masyarakat kerana yakin bahawa generasi muda berperanan penting dalam meneruskan dan memelihara warisan budaya supaya tulisan Jawi kekal relevan dari satu zaman ke zaman berikutnya.


Rajah 16 menunjukkan peratusan bagi item 16 dengan jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 17 orang responden bersamaan dengan 57%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” mencatatkan jumlah paling rendah, iaitu tiada maklum balas dicatatkan. Seterusnya, jawapan “Tidak Pasti” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu tujuh orang responden bersamaan dengan 23% diikuti dengan “Setuju” sebanyak enam orang responden bersamaan dengan 20%. Responden kajian memberikan sokongan yang tinggi, iaitu keperluan memperbanyak penggunaan tulisan Jawi di media sosial agar masyarakat terdedah akan kepentingan memelihara tulisan Jawi, dan hal ini menunjukkan keyakinan bahawa media sosial berperanan penting dalam menyebarkan maklumat dan mempengaruhi sikap serta tingkah laku masyarakat.



**Rajah 16** Peratusan untuk item 16: Penggunaan tulisan Jawi di media sosial haruslah diperbanyak agar masyarakat terdedah akan kepentingan memelihara tulisan Jawi.

Rajah 17 menunjukkan peratusan bagi item 17 dengan jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 19 orang responden bersamaan dengan 63%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” mencatatkan jumlah paling rendah, iaitu tiada maklum balas dicatatkan. Seterusnya, jawapan “Tidak Pasti” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu enam orang responden bersamaan dengan 20% diikuti dengan “Setuju” sebanyak lima orang responden bersamaan dengan 20%. Responden kajian memberikan sokongan yang tinggi, iaitu mereka yakin bahawa bahan bacaan di pasaran mengenai tulisan Jawi seperti kitab kuning, iaitu warisan kegemilangan persuratan Melayu Islam, mampu membantu masyarakat menggunakan tulisan Jawi, kerana sumber bacaan tersebut berperanan penting dalam meningkatkan kemahiran dan kefahaman terhadap tulisan Jawi.

Rajah 18 menunjukkan peratusan bagi item 18 dengan jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 19 orang responden bersamaan dengan 64% manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, jawapan




**Rajah 17** Peratusan untuk item 17: Saya berpendapat bahawa ketersediaan bahan bacaan yang banyak di pasaran mengenai tulisan Jawi seperti kitab-kitab kuning mampu membantu dalam menggunakan dan memahami tulisan Jawi dengan lebih baik.

“setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu tujuh orang responden bersamaan dengan 23% diikuti dengan “Tidak Pasti” sebanyak empat orang responden bersamaan dengan 13%.

Responden kajian memberikan sokongan yang kukuh, iaitu perlunya program keagamaan dan pameran seni budaya Melayu Patani sebagai langkah untuk membantu masyarakat dalam memelihara tulisan Jawi. Pameran seni budaya Melayu boleh memaparkan tulisan Jawi dan secara tidak langsung dapat membantu menarik minat masyarakat, selain bangsa Melayu untuk mengenali tulisan Jawi dengan lebih mendalam. Langkah tersebut dikira dapat memberikan sumbangan yang signifikan dalam pemeliharaan dan penghargaan terhadap tulisan Jawi.

Rajah 19 menunjukkan peratusan bagi item 19 dengan jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 13 orang responden bersamaan dengan 43%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak




**Rajah 18** Peratusan untuk item 18: Program keagamaan dan pameran seni budaya Melayu Patani adalah langkah yang berkesan untuk membantu masyarakat dalam memelihara tulisan Jawi.


mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, jawapan “Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu 11 orang responden bersamaan dengan 37% diikuti dengan “Tidak Pasti” sebanyak enam orang responden bersamaan dengan 20%.

Responden kajian memberikan sokongan yang kuat, iaitu perlunya semua lapisan masyarakat mempromosikan tulisan Jawi di semua platform, termasuklah media sosial dan media cetak, bagi memupuk kesedaran yang tinggi tentang pentingnya memelihara tulisan Jawi. Hal ini menunjukkan indikasi bahawa golongan muda masih menganggap tulisan Jawi adalah relevan dan terdapat keperluan untuk menyebarkan luas ilmu tentang tulisan ini terhadap semua golongan masyarakat tanpa mengira bangsa, kaum atau agama. Dengan ini, tulisan Jawi akan terus malar segar dan tidak lapuk ditelan zaman.

Rajah 20 menunjukkan peratusan bagi item 20 dengan jawapan “Sangat Setuju” mencatatkan jumlah yang paling tinggi, iaitu sebanyak 14 orang responden bersamaan dengan 46%, manakala bagi “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” tidak mencatatkan sebarang maklum balas. Seterusnya, jawapan “Setuju” mencatatkan jumlah kedua tertinggi, iaitu lapan orang responden



**Rajah 19** Peratusan untuk item 19: Semua lapisan masyarakat harus berganding bahu untuk mempromosikan tulisan Jawi di semua platform, sama ada di media sosial, media cetak dan sebagainya agar masyarakat cakna akan tulisan Jawi.



**Rajah 20** Peratusan untuk item 20: Pelbagai program mengenai tulisan Jawi perlu dilaksanakan di semua sekolah dan IPT di Selatan Thailand untuk memastikan generasi muda tidak lupa akan kepentingan pemeliharaan tulisan Jawi.

bersamaan dengan 27% dan “Tidak Pasti” juga sebanyak lapan orang responden bersamaan dengan 27%.

Dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan pemeliharaan tulisan Jawi, responden kajian bersedia untuk menyokong pelbagai program supaya dijalankan di sekolah dan IPT di Selatan Thailand yang bertujuan untuk menggalakkan kesedaran dan penggunaan tulisan Jawi dalam kalangan generasi muda di Selatan Thailand. Namun begitu, persamaan 27% antara jawapan “Setuju” dengan “Tidak Setuju” menggambarkan bahawa masih terdapat segelintir responden yang masih kurang jelas tentang cara pelaksanaan program mengenai tulisan Jawi di sekolah dan IPT yang menghasilkan maklum balas sedemikian. Oleh itu, perancangan dan penerangan yang teliti harus dibuat supaya golongan masyarakat dapat turut serta dalam menyokong program-program sebegini.

Berdasarkan kategori ini, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan responden menyokong semua item yang berkaitan dengan pemeliharaan dan penggunaan tulisan Jawi. Terdapat sokongan yang tinggi terhadap tanggungjawab generasi muda dalam memperkenalkan tulisan Jawi kepada semua lapisan masyarakat, peningkatan penggunaan tulisan Jawi di media sosial, pentingnya bahan bacaan mengenai tulisan Jawi, perlunya program keagamaan dan pameran seni budaya Melayu Patani, serta pentingnya promosi tulisan Jawi oleh semua lapisan masyarakat. Responden mempercayai bahawa generasi muda memainkan peranan penting dalam meneruskan dan memelihara warisan budaya, media sosial memainkan peranan penting dalam menyebarkan maklumat, sumber bacaan adalah penting dalam meningkatkan kemahiran dan kefahaman terhadap tulisan Jawi, program keagamaan dan pameran seni budaya dapat memberikan sumbangan yang signifikan dalam pemeliharaan tulisan Jawi, dan promosi oleh semua lapisan masyarakat penting untuk memelihara dan mempromosikan tulisan Jawi.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya kajian ini menunjukkan bahawa persepsi pelajar IPT di Selatan Thailand, khususnya pelajar KISDA terhadap tulisan Jawi berada pada tahap positif. Pelajar KISDA mempunyai sikap positif terhadap tulisan Jawi, sama ada dari segi pembelajaran mahupun dari segi menjaga, memelihara dan mewarisi tulisan Jawi sebagai jati diri dan lambang identiti bangsa. Hal ini menunjukkan bahawa tulisan ini masih mempunyai kepentingan dan kedudukan yang begitu istimewa dalam konteks mutakhir ini, serta kelangsungan penggunaannya dalam kalangan generasi muda Melayu.

Demi masa depan tulisan Jawi, semua pihak, sama ada pihak kerajaan tempatan, institusi pengajian (sekolah dan IPT) dan masyarakat, khususnya golongan muda

perlu memainkan peranan penting dalam menjaga, memelihara, mengguna dan mewarisi tulisan ini agar tulisan ini terus menjadi jadi diri orang Melayu, lambang identiti bangsa Melayu dan mempunyai kepentingan, serta kedudukan setanding dengan tulisan Rumi.

## **PENGHARGAAN**

Pengarang merakamkan penghargaan kepada Kolej Islam Syeikh Daud Al-Fathani (KISDA), Yala, Thailand atas sokongan yang sewajarnya dalam penyelidikan ini.

## **PENDANAAN**

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA**

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

## **PERISYTIHARAN**

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

## **RUJUKAN**

- Abd Jalil Borham. (2012, 18 Oktober). *Tulisan Jawi: Tulisan serantau*. [Seminar]. Seminar Jawi dan Teknologi Peringkat Kebangsaan. Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang.
- Ahmad Fathy al-Fatani. (2012). Dilema basa Yawi di Selatan Thai: Antara kesetiaan bahasa dan cabaran semasa. *Jurnal Melayu*, 9, 99–112.
- Aminnudin Saimon & Nur Hidayah Takma. (2023). Persepsi mahasiswa Kulliyah Bahasa dan Pengurusan, UIAM terhadap tulisan Jawi. *LSP International Journal*, 10(1), 103–122.
- Azrulhizam Shapii, Zainal Rasyid Mahayuddin & Sabarina Othman. (2020). Jom Jawi: Meningkatkan penguasaan bahasa Jawi di kalangan murid sekolah rendah mengguna media interaktif. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(3), 212–230.
- Berhanundin Abdullah, Zainab Abdullah, Zurita Mohd Yusoff & Najmiah Omar. (2012). Sejarah penulisan Jawi di Terengganu sebelum 1957. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 13–25.
- Hashim Musa. (2006). *Sejarah perkembangan tulisan Jawi (edisi kedua)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kartini Wado, Zulkifley Hamid, Pareeda Hayeeteh & Suhaila Binsama-ae. (2015). Pengajaran bahasa Melayu baku dalam kalangan komuniti perbatasan: Satu kajian pengaruh dialek

Patani di Selatan Thailand. *GEOGRAFIA Online TM Malaysian Journal of Society and Space*, 11(11), 36–44.

- Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin & Wan Noorli Razali. (2017). Persepsi pelajar Melayu UNITEN berkaitan kemahiran menggunakan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu dan tulisan Jawi sebagai lambang identiti bangsa Melayu beragama Islam. *Sains Insani*, 2(1). 42–47.
- Noraziah Mohd Amin, Noor Azam bin Abdul Rahman, Wan Noorli Razali & Mohd Faisal Abdul Wahab. (2018). Pemeliharaan tulisan Jawi dan penggunaan tulisan Jawi di media: Kajian persepsi pelajar Melayu di UNITEN. *Sains Insani*, 3(2), 1–72.
- Noraziah Mohd Amin & Noor Azam Abdul Rahman. (2019). Persepsi pelajar Melayu UNITEN terhadap terhadap pembelajaran tulisan Jawi di pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia. *Sains Insani*, 4(1), 7–14.
- Nurnee Bukehmatee. (2014). Kurikulum bahasa Melayu sekolah menengah: Perbandingan sekolah kerajaan dengan sekolah agama swasta di wilayah Yala, Thailand. [Tesis Sarjana]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- M Mokhtar Shafii. (2000). Perlaksanaan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(2).
- Muhammad Alee Song & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2019). Strategi pembelajaran membaca bahasa Melayu dalam kalangan pelajar IPT di wilayah Yala, Selatan Thailand. Dlm. Norsofiah Abu Bakar, Radiah Yusoff, Muhammad Zuhair Zainal & Wan Azni Wan Mohamad (Pyt.) *Linguistik, Bahasa dan Pendidikan*, hlm. 216. Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Lazim Lawi (2005). *Sejarah dan perkembangan agama anuti masyarakat Melayu Patani*. Kolej Islam Jala: Pusat Kebudayaan Islam.
- Rasyidah Ibrahim, Rahimah Embong, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Huda Afiqah Hashim. (2019). Pemeraksanaan tulisan Jawi dahulu dan kini. *BITARA*, 2(1), 29–37.
- Siti Badriyah Mohamad Yusof & Exzayrani Sulaiman. (2015). Sikap generasi muda terhadap tulisan Jawi: Kajian kes pelajar Universiti Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 15, 8–16.
- Winstedt, R. O. & Wilkinson, R. J. (1961). *Pantun Melayu*. Malay Publishing House.
- Zainal Abidin Ahmad. (2000). *Pelita Bahasa Melayu Penggal I-III (Edisi baharu)*. Sasyaz Holdings Sdn. Bhd.